



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBIMBANGAN BAHASA GURU PELATIH TERHADAP
PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DAN
KAITANNYA DENGAN STRATEGI PEMBELAJARAN**

ABDULLAH BIN HAMZAH

FBMK 2018 66



**KEBIMBANGAN BAHASA GURU PELATIH TERHADAP
PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DAN
KAITANNYA DENGAN STRATEGI PEMBELAJARAN**

Oleh

ABDULLAH BIN HAMZAH

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Disember 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**KEBIMBANGAN BAHASA GURU PELATIH TERHADAP
PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DAN
KAITANNYA DENGAN STRATEGI PEMBELAJARAN**

Oleh

ABDULLAH BIN HAMZAH

Disember 2018

Pengerusi : Nik Farhan Mustapha, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pelbagai kajian telah dilakukan untuk melihat strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang berkesan dalam mempelajari bahasa asing termasuk bahasa Arab. Dalam hal ini, dapatan kajian lepas telah menunjukkan bahawa keberkesanan pembelajaran sesuatu bahasa dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya kebimbangan. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa kebimbangan juga memberi kesan positif dan juga negatif terhadap pembelajaran bahasa dan juga SPB. Namun sehingga kini kajian empirikal yang menunjukkan bagaimana kebimbangan tersebut mempengaruhi penggunaan SPB untuk menguasai kemahiran bertutur dalam kalangan guru pelatih bahasa Arab belum dapat ditemukan. Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti kebimbangan bahasa yang dialami oleh guru pelatih dalam kelas pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab, menganalisis SPB yang digunakan oleh mereka, dan seterusnya merumuskan bagaimana kebimbangan bahasa tersebut mempengaruhi penggunaan mereka terhadap SPB semasa mempelajari kemahiran ini. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes. Seramai 11 orang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) yang sedang mengikuti kelas Kemahiran Berbahasa Arab (BAMB3013) dipilih sebagai responden kajian. Data kajian pula diperoleh daripada 66 buah catatan diari responden, di samping temu bual separa struktur bersama responden dan juga pensyarah. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan teori SPB O'Malley dan Chamot serta teori kebimbangan kelas bahasa oleh Horwitz. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebimbangan dominan yang dialami guru ialah 'risau gagal memahami makna kosa kata', 'risau tidak cukup persediaan dan latihan', 'risau kekurangan kosa kata' dan 'risau dianggap tidak pandai'. Kebimbangan ini berpunca

daripada sikap semula jadi responden sendiri, bentuk aktiviti bertutur yang dijalankan serta tingkah laku yang ditunjukkan oleh rakan dan juga pensyarah dalam kelas pembelajaran. Hasil kajian juga mendapati strategi sosial afektif menjadi pencetus dalam membina keyakinan diri dan motivasi responden untuk berusaha mempelajari kemahiran bertutur. Manakala strategi metakognitif mendominasi penggunaan SPB apabila mereka membuat persediaan lebih awal sebelum kelas bahasa tersebut. Aspek pengaruh kebimbangan terhadap SPB pula menunjukkan bahawa keresahan komunikasi merupakan kebimbangan yang paling mempengaruhi penggunaan SPB. Antara contoh yang paling ketara ialah keresahan tidak memahami mesej lisan merangsang responden untuk menggunakan strategi bertanya dan merujuk sumber, manakala resah bertutur di depan khalayak mendorong responden membuat persediaan awal, berinteraksi dengan diri sendiri dan meredakan kebimbangan. Secara keseluruhannya kebimbangan guru pelatih ini memberi impak positif yang mendorong mereka untuk lebih aktif menggunakan strategi metakognitif dengan merancang dan menguruskan pembelajaran kemahiran bertutur secara lebih efektif dan berkesan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**LANGUAGE ANXIETY AMONG TRAINEE TEACHERS ON ARABIC
SPEAKING SKILLS AND ITS ASSOCIATION TO LEARNING
STRATEGIES**

By

ABDULLAH BIN HAMZAH

December 2018

Chairman : Nik Farhan Mustapha, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Various studies have been conducted to see effective language learning strategy (LLS) in learning foreign languages, including Arabic. The past findings show that the effectiveness of learning a language are influenced by various factors, including anxiety. The past findings also demonstrate anxiety can have both positive and negative impact on language learning as well as on LLS. However, until now there has been no study showing how anxiety affects the use of LLS to master speaking skills among Arabic language trainees. The purpose of this study is to identify the elements of anxiety faced by trainees in Arabic speaking skill classes, to analyze LLS used by them, and to further list out how the anxiety affect their use of LLS while studying these skills. This qualitative study uses a case study approach. A total of 11 Bachelor's Degree of Education (PISMP) students who are currently pursuing Arabic Language Proficiency (BAMB3013) were chosen as respondents for the study. The data were obtained from 66 respondents' diaries, in addition to information gathered in semi-structural interviews with respondents and lecturers. The data were analyzed descriptively using the theory of LLS of O'Malley and Chamot. The findings showed that the dominant anxieties of the teachers were their inability to fully understand the meaning of the lexical items, their lack of the necessary vocabulary, the worry of having not enough preparation or training, and the worry of being perceived as not clever. This anxiety stemmed from the natural attitude of the respondents themselves, the forms of spoken activities as well as the behaviors shown by their friends as well as lecturers in their learning classes. From the LLS aspect, social affective strategy was found to be a trigger in building self-confidence and motivation of respondents to try to learn speaking skills. Metacognitive strategies dominated the use of LLS when they make preparations

before the language classes. From the aspect of anxiety influencing the LLS, communication apprehension was the most popular anxiety affecting the use of LLS. Among the noteworthy examples were anxieties of not understanding verbal messages to stimulate the respondents to use questioning strategies and referring sources, and the fear of speaking in front of the audience encourages respondents to use preparations, interacting amongst themselves to ease fears. Overall this study showed that anxiety concerns have positive impacts by encouraging students to use actively more metacognitive strategies by planning and managing learning of speaking skills more effectively.



PENGHARGAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Doktor Falsafah Sastera Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Dr. Nik Farhan Mustapha, Prof. Madya Dr. Mohd Azidan Abdul Jabar dan Dr. Wan Muhammad Wan Sulong. Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Che Radiah Mezah dan Dr Syed Nurulakla Syed Abdullah. Mereka semua telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja penyelidikan saya sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi saya peluang untuk menyambung pelajaran selama tiga tahun di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan pelbagai bantuan dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

Juga tidak dilupakan sekalung penghargaan yang setulusnya kepada bonda saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri saya, Azian binti Aiffin dan anak-anak tersayang Muaz, Ziad, Aufa, Alya, Uwais, Arwa, Hana dan Inas kerana amat memahami, memberi dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini dilaksanakan.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah SWT. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada diri saya sendiri kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu ialah milik-Nya sahaja. Terima kasih.

ABDULLAH BIN HAMZAH
Kampung Sungai Merab, Bangi
5 Disember 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nik Farhan Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Azidan Abdul Jabar, PhD

Associate Professor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Wan Muhammad Wan Sulong, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Abdullah bin Hamzah GS42600

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Nik Farhan Mustapha,

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Mohd Azidan Abdul Jabar,

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Wan Muhammad Wan Sulong,

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB	
1	PENDAHULUAN 1
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 1
1.3	Pernyataan Masalah 4
1.4	Objektif Kajian 7
1.5	Persoalan Kajian 7
1.6	Kepentingan Kajian 7
1.7	Batasan Kajian 9
1.8	Definisi Operasional 9
1.8.1	Kebimbangan Bahasa 9
1.8.2	Kebimbangan Kelas Bahasa 10
1.8.3	Keresahan Komunikasi 10
1.8.4	Risau Penilaian Negatif 10
1.8.5	Kebimbangan Ujian 10
1.8.6	Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur 11
1.8.7	Strategi Metakognitif 11
1.8.8	Strategi Kognitif 11
1.8.9	Strategi Sosial Afektif 11
1.8.10	Guru Pelatih 12
1.9	Kerangka Konsep 12
1.10	Kesimpulan 13
2	TINJAUAN LITERATUR 14
2.1	Pengenalan 14
2.2	Kebimbangan Bahasa 14
2.2.1	Definisi Kebimbangan Bahasa 14
2.2.2	Kebimbangan Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Kedua 16
2.2.3	Teori Kebimbangan Bahasa 17
2.2.4	Teori Kebimbangan Kelas Bahasa Asing 18
2.2.5	Perkembangan Kajian Kebimbangan Bahasa 21
2.2.6	Kesan Positif dan Negatif Kebimbangan 23

2.2.7	Kepelbagaian Metodologi dalam Kajian Kebimbangan Bahasa	24
2.2.8	Kebimbangan Bahasa bagi Guru Pelatih	26
2.2.9	Kajian Kebimbangan Bahasa Arab	27
2.3	Strategi Pembelajaran Bahasa	29
2.3.1	Definisi Strategi Pembelajaran Bahasa	29
2.3.2	Model Strategi Pembelajaran Bahasa	30
2.3.3	Kajian SPB Bahasa Arab di Malaysia	33
2.4	Hubungan Kebimbangan dengan SPB	35
2.5	Jurang Kajian	37
2.6	Kesimpulan	38
3	METODOLOGI	39
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.2.1	Kajian Kualitatif	39
3.2.2	Kajian Kes	41
3.2.3	Latar Kajian	42
3.2.4	Responden	43
3.2.5	Aktiviti Kajian	45
3.2.6	Tatacara Kajian	48
3.3	Analisis Data	53
3.3.1	Data Catatan Diari	53
3.3.2	Data Temu Bual	53
3.3.3	Teknik Pengkodan Fail Catatan Diari dan Temu Bual	54
3.3.4	Peringkat Analisis Data	55
3.4	Keabsahan Data	59
3.4.1	Keabsahan Dalaman	59
3.4.2	Keabsahan Luaran	60
3.5	Kesimpulan	60
4	DAPATAN KAJIAN	61
4.1	Pendahuluan	61
4.2	Kebimbangan yang dialami oleh Guru Pelatih	61
4.2.1	Keresahan Komunikasi	62
4.2.2	Risau Penilaian Negatif	71
4.2.3	Kebimbangan Ujian	74
4.3	Strategi Pembelajaran Bahasa yang Digunakan oleh Guru Pelatih	77
4.3.1	Strategi Metakognitif	79
4.3.2	Strategi Kognitif	89
4.3.3	Strategi Sosial Afektif	101
4.4	Pengaruh Kebimbangan Terhadap Strategi Pembelajaran Bahasa	108
4.4.1	Keresahan Komunikasi	109
4.4.2	Risau Penilaian Negatif	129

4.5	Kesimpulan	131
5	RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	133
5.1	Pendahuluan	133
5.2	Rumusan Kajian	133
5.2.1	Kebimbangan Guru Pelatih IPG KPI	133
5.2.2	Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur	139
5.2.3	Pengaruh Kebimbangan Terhadap Penggunaan SPB	142
5.3	Implikasi Kajian	145
5.3.1	Implikasi Terhadap Metodologi Kajian	145
5.3.2	Implikasi Terhadap Teori	148
5.3.3	Perbezaan Persepsi Pensyarah dan Guru Pelatih	149
5.3.4	SPB yang Tidak Dipengaruhi oleh Kebimbangan	149
5.3.5	Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab	150
5.3.6	Limitasi Kajian	151
5.4	Cadangan	151
5.4.1	Cadangan bagi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab	152
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjut	153
5.5	Kesimpulan	154
	BIBLIOGRAFI	155
	LAMPIRAN	165
	BIODATA PELAJAR	178
	PENERBITAN	179

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Konstruk Kebimbangan Kelas Bahasa Asing (Horwitz et al., 1986)	21
2.2	Model SPB O'Malley dan Chamot (1990)	31
3.1	Responden Kajian	44
3.2	Interaksi Kemahiran Bertutur BAMB3013	45
3.3	Ringkasan Nama Responden	54
3.4	Ringkasan Kelas Kemahiran Bertutur	55
3.5	Kekayaan Data Responden	58



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konsep Kajian Pengaruh Kebimbangan Terhadap Penggunaan SPB	13
2.1	Kebimbangan Kelas Bahasa Asing Horwitz et al. (1986)	18
2.2	Konsep Definisi SPB Griffiths (2003)	30
3.1	Susunan Kelas PISMP BA 1.01	42
4.1	Kebimbangan Bahasa Kemahiran Bertutur	62
4.2	Keresahan Komunikasi	63
4.3	Kebimbangan Personal	63
4.4	Resah Gagal Memahami Mesej dan Menyampaikan Mesej Lisan	65
4.5	Resah Kurang Keupayaan	68
4.6	Risau Penilaian Negatif	71
4.7	Kebimbangan Ujian	75
4.8	Strategi Pembelajaran Kelas Bahasa	78
4.9	Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Kemahiran Bertutur Kursus BAMB3013	78
4.10	Strategi Metakognitif	79
4.11	Persediaan Pendahuluan	82
4.12	Perancangan Penyusunan	85
4.13	Pemantauan Kendiri	87
4.14	Strategi Kognitif Bahasa	90
4.15	Strategi Pembelajaran Sosial Afektif	101
4.16	Faktor Kebimbangan yang Mempengaruhi SPB	109
4.17	Pengaruh Khuatir Belajar Kemahiran Bertutur Terhadap SPB	111
4.18	Pengaruh Khuatir Belajar Kemahiran Bertutur Anis	112
4.19	Pengaruh Khuatir Bertutur Bahasa Arab	113
4.20	Kesan Resah Bertutur di depan Khalayak terhadap SPB	113
4.21	Kesan Keresahan Gagal Memahami Mesej Lisan Terhadap SPB	119
4.22	Pengaruh Kebimbangan Gagal Menyampaikan Mesej Lisan terhadap SPB	123
4.23	Pengaruh Khuatir Kurang Persediaan terhadap penggunaan SPB	127
5.1	Kebimbangan Guru Pelatih	134
5.2	SPB Pilihan Guru Pelatih	140
5.3	Pengaruh Resah Gagal Memahami Mesej Lisan terhadap SPB	143
5.4	Pengaruh Resah Gagal Memahami Mesej Lisan terhadap Pelbagai SPB	143
5.5	Kesan Resah Bertutur Depan Khalayak Terhadap SPB	144

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian dan akan menjelaskan perkara berkaitan dengan kajian yang merangkumi latar belakang, masalah, objektif, persoalan, kepentingan dan batasan kajian. Selain itu, beberapa definisi operasional kajian akan diterangkan untuk menghuraikan ruang lingkup kajian. Seterusnya, penyelidik menjelaskan kerangka konseptual kajian yang telah digariskan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab merupakan bahasa yang amat berpengaruh di Malaysia selepas bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 bahasa Arab dikategorikan sebagai bahasa asing sebaris dengan bahasa Jepun, Jerman dan Perancis (Japim 2002). Bahasa Arab berkembang pesat di Malaysia dan dipelajari di pelbagai institusi di Malaysia bermula dari peringkat rendah, menengah dan juga peringkat pengajian tinggi. Sebagaimana bahasa Inggeris, bahasa Arab juga telah menjadi fokus kajian demi meningkatkan perkembangan dan kemahiran berbahasa Arab. Pelbagai usaha telah dilakukan dari pelbagai aspek seperti kajian tentang kurikulum, pengajaran dan juga pembelajaran bahasa itu sendiri.

Pelbagai kajian telah dilakukan untuk mencari kaedah dan pendekatan bagi meningkatkan lagi prestasi dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Antara kajian yang dilakukan ialah kajian terhadap kaedah atau pendekatan dalam mempelajari bahasa. Kaedah ini dinamakan sebagai strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang merupakan rumusan daripada strategi yang diguna pakai oleh pelajar cemerlang untuk dicontohi oleh pelajar lain (Kamarul Shukri & Mohamad Amin, 2010).

Namun begitu, pembelajaran bahasa kedua tidak dapat dipisahkan daripada faktor psikologi dan yang melibatkan perasaan dalaman pelajar itu sendiri sehinggakan para penyelidik mula beralih kepada kajian tentang motivasi, efikasi sendiri, kebimbangan dan sebagainya. Antara faktor yang tidak boleh dielakkan dalam proses pembelajaran bahasa kedua ini ialah faktor kebimbangan bahasa yang juga memainkan peranan dalam proses pembelajaran bahasa itu sendiri. Kebimbangan bahasa banyak memberi kesan kepada pencapaian pelajar terutamanya dari aspek

pembelajaran bahasa kedua termasuk bahasa Arab, malah ia juga mungkin memberi kesan kepada penggunaan SPB dalam kalangan pelajar sama ada merencanakan atau merangsang perkembangan pembelajaran bahasa kedua itu sendiri.

Secara umumnya, pengajaran dan pembelajaran bahasa memerlukan lima peranan utama, iaitu pelajar, guru, teknik pengajaran, bahan pengajaran dan penilaian (Wu, 2010). Secara tradisinya, tenaga pengajar dalam model pengajaran berpusat kepada guru menentukan bahan yang akan digunakan dalam pengajaran mereka. Manakala ujian dalam pembelajaran juga ditekankan kepada sejauh mana kemampuan pelajar untuk mengingat dan mengeluarkan sesuatu hasil yang telah dipelajari. Dalam kes ini, tugas pelajar ialah mendengar, mengingat dan kemudian menunjukkan bukti bahawa mereka telah berjaya mencernakan bahan pengajaran ke dalam minda mereka. Pelajar yang mempelajari bahasa sebagai bahasa kedua atau bahasa asing lebih memberi fokus untuk mengingat kos kata, frasa bahasa, nahu, struktur ayat dan sebagainya tetapi mereka masih menghadapi kesukaran dalam mempraktikkan bahasa ini dalam kehidupan mereka seharian (Wu, 2010). Konsep pembelajaran berkonsepkan pemusatan kepada guru telah mula berkurang. Pelbagai kaedah dan strategi pembelajaran dicadangkan untuk memberi tanggungjawab yang lebih kepada pelajar dalam pembelajaran bahasa. Pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar telah diakui dan diterima sebagai satu kaedah yang perlu banyak digunakan dalam kaedah pengajaran (Copeland, 1952). Dari sinilah bermula kajian yang melihat pembelajaran bahasa kedua berdasarkan aspek peranan pelajar dalam pembelajaran termasuk kajian SPB.

Kajian tentang SPB yang dimulakan oleh Rubin (1975) telah mengkaji strategi pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar cemerlang. Seterusnya, kajian tentang SPB ini terus berkembang dengan pembinaan teori SPB (Chamot, O'Malley, Kupper, & Impink-Hernandez, 1987; O'Malley & Chamot, 1990). Kemudian teori ini diperkemas lagi oleh Oxford (1990) dan ia menjadi panduan ramai penyelidik SPB selepas itu. Kajian SPB telah dijalankan dari pelbagai aspek pemboleh ubah dan kemahiran sebagaimana yang telah dijalankan terhadap pelajar universiti Qatar dalam mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (Al-Buainain, 2010) dan juga pelajar dewasa di Iran (Lavasani & Faryadres, 2011). Begitu juga terdapat kajian yang berfokuskan strategi berdasarkan kemahiran seperti kemahiran membaca (Abbott, 2006), mendengar (Moghadam & Ghanizadeh, 2015) dan sebagainya.

Tidak banyak kajian tentang SPB berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua telah dijumpai melainkan apa-apa yang telah dilakukan oleh Khaldieh (2000). Kemudiannya disusuli kajian tentang SPB kemahiran mendengar terhadap pelajar Amerika (Elkhafaifi, 2005). Kajian tentang SPB agak rancak dijalankan di Malaysia semenjak dua dekad terkini memandangkan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia berlaku secara meluas di samping pembelajaran bahasa Inggeris. Antara kajian SPB yang melibatkan bahasa Arab di Malaysia adalah sebagaimana yang dilakukan terhadap pelajar peringkat sekolah menengah (Anida, 2003; Kamarul Shukri, 2009) dan juga peringkat pelajar universiti (Mastura &

Kaseh, 2012; Mohd Hilmi, 2014; Nik Farhan, 2011; Nonglaksana, 2011; Nurazan, 2004; Sueraya, Ismail, Ariffin, & Ismaiel, 2010).

Sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Oxford (1990), kemahiran berbahasa boleh ditingkatkan dengan menggunakan strategi tertentu untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran bahasa. Namun terdapat pelbagai faktor lain yang boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua seperti kecerdasan, motivasi, sikap, umur, jantina, personaliti, kebimbangan dan sebagainya (Skehan, 1989). Kebimbangan bahasa secara umumnya telah ditakrifkan oleh MacIntyre dan Gardner (1991b) sebagai kerisauan dan reaksi emosi negatif yang telah timbul hasil rangsangan mempelajari atau menggunakan bahasa kedua. Kajian tentang kebimbangan bahasa telah difokuskan dalam konteks yang lebih mendalam dalam sesi kelas pembelajaran bahasa sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh Horwitz et al., (1986) yang meletakkan takrif khas kebimbangan kelas bahasa sebagai "Persepsi dalaman diri yang kompleks melibatkan kepercayaan, perasaan dan tingkah laku yang berkaitan dengan dengan kelas pembelajaran bahasa."

Berdasarkan dua definisi kebimbangan ini, banyak kajian telah dijalankan berkaitan dengan kebimbangan bahasa ini yang telah dirintis pada awal tahun 70-an oleh Brown, (1973), Chastain, (1975) dan Scovel, (1978) kemudian dikembangkan lagi oleh Bailey (1983), Horwitz et al., (1986), MacIntyre dan Gardner (1989). Kajian tentang kebimbangan ini rancak dijalankan terutama dalam bidang pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua telah dilakukan di pelbagai negara sebagaimana kajian yang dilakukan di Arab Saudi (Alshahrani & Alshahrani, 2015), Jepun (Andrade & Williams, 2009), Indonesia (Ardi Marwan, 2007), Pakistan (Awan, Azher, Anwar, & Naz, 2010), Iran (Khodadady & Khajavy, 2013; Mahmoodzadeh, 2012; Moghadam & Ghanizadeh, 2015; Riasati, 2011), Korea (Kim, 2009; Park & French, 2013), China (Shao, Yu, & Ji, 2013), Mongolia (Wang, 2014), Taipei (Yu-ching Chan & Guo-cheng, 2004) dan juga Malaysia (Asgari, 2002; Jain & Sidhu, 2013; Noor Hashima, 2007; Razlina, 2010).

Begitu juga kajian yang mengaitkan kebimbangan terhadap pencapaian pelajar berdasarkan jantina (Dialami, 2013), (Mahmoodzadeh, 2012; Park & French, 2013) dan kajian berdasarkan kemahiran bahasa seperti kemahiran menulis (Chen & Chang, 2009; Moghadam & Ghanizadeh, 2015; Zhang, 2013), kemahiran bertutur (Cheng, Horwitz, & Schallert, 1999; Mahmoodzadeh, 2012; Suleimenova, 2013; Yahya, 2013; Yalçın & İnceçay, 2014) dan kemahiran membaca (Dialami, 2013; M. Al-Shboul, Sheikh Ahmad, Sahari Nordin, & Abdul Rahman, 2013).

Namun, kajian kebimbangan juga telah beralih kepada bahasa asing yang lain seperti Perancis (Cohen & Weaver, 1996), Sepanyol dan Jerman (P. Bailey, Onwuegbuzie, & Daley, 1998) dan lain-lain. Manakala kajian yang melibatkan bahasa bukan Barat juga telah dilakukan seperti bahasa Jepun (Aida, 1994b) dan bahasa Arab (Elkhafaifi, 2005; Khaldieh, 2000). Yang menarik, kajian kebimbangan bahasa

Arab juga mula telah mula diterokai di Malaysia dengan beberapa kajian terhadap pelajar pengajian tinggi yang membuktikan wujudnya kebimbangan dalam pembelajaran bahasa Arab (Abd Aziz, Masrur, & Muhmad Syubki, 2015; Nur Pratiwi, 2015; Wan Zarina, Azizah, Norfazila, & Nur Al Huda, 2007).

Kemudian, para pengkaji beralih kepada kajian untuk melihat kaitan dan hubungan antara kebimbangan dan SPB yang digunakan oleh pelajar. Kajian sebegini bertujuan melihat elemen kebimbangan dan pengaruhnya terhadap penggunaan SPB agar dapat meningkat lagi pembelajaran bahasa (Moghadam & Ghanizadeh, 2015; Noormohamadi, 2009; Wu, 2010). Namun, kajian tentang hubungan kebimbangan dengan SPB masih lagi belum meluas sebagaimana kajian terhadap kebimbangan dan SPB itu sendiri. Oleh itu, kajian hubungan antara kebimbangan dengan SPB amat sesuai diterokai dengan lebih luas lagi dari pelbagai dimensi agar dapat menghasilkan dapatan baharu yang boleh menyumbang kepada perkembangan pembelajaran bahasa kedua.

1.3 Pernyataan Masalah

Tahap penguasaan kemahiran bertutur pelajar bahasa Arab peringkat ijazah di universiti awam di Malaysia masih lagi lemah (Ab. Halim, 2009). Kelemahan ini juga wujud dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru (Mohamad Ziyad & Izuddin, 2011). Malah kajian juga mendapati bahawa lebih 70% pelajar bidang bahasa Arab lemah dalam penguasaan bahasa Arab terutamanya dalam kemahiran bertutur yang berpunca daripada kurang keyakinan diri lantaran kerisauan melakukan kesalahan struktur bahasa dan juga kosa kata (Nadwah & Nadhilah, 2014). Bagi mengatasi kelemahan pertuturan bahasa Arab, beberapa kajian telah dilakukan antaranya kajian tentang SPB. Kajian tersebut bertujuan melihat strategi yang berkesan untuk meningkatkan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Kajian yang berkaitan dengan SPB mendapati bahawa kebimbangan banyak mempengaruhi pelajar dalam penggunaan SPB. Bahkan antara masalah utama yang mengganggu pelajar dalam penggunaan strategi ialah perasaan takut dan bimbang melakukan kesalahan kerana terlupa kosa kata yang perlu digunakan (Aladdin, 2012). Antara strategi pembelajaran kemahiran bertutur yang menjadi pilihan pelajar bagi mengurangkan dan mengatasi masalah keresahan dan kebimbangan ini adalah dengan menggunakan strategi berdoa (Mastura & Kaseh, 2012; Mohd Hilmi, 2014). Dapatan-dapatan kajian ini membuktikan bahawa peranan kebimbangan tidak dapat dinafikan kewujudannya dalam pembelajaran bahasa, malah ia mempengaruhi pemilihan dan penggunaan strategi untuk mempelajari kemahiran bertutur. Hal ini berlaku demikian kerana perasaan bimbang dan takut amat mengganggu tumpuan pelajar yang boleh menyebabkan mereka melakukan kesalahan (Aladdin, 2012). Malah, kesalahan tersebut mendedahkan pelajar untuk menjadi bahan ketawa dan sindiran rakan-rakan (Ab. Halim, 2009). Justeru, kajian

tentang pengaruh kebimbangan terhadap SPB ini dilihat amat penting untuk dikaji dengan lebih mendalam bagi menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan menyeluruh.

Kajian tentang fenomena kebimbangan di Malaysia telah dijalankan agak meluas bagi pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, namun dalam bidang pembelajaran bahasa Arab ia masih baharu dan dalam peringkat penerokaan. Kajian yang dilihat memulakan penerokaan tentang kebimbangan bahasa Arab bertujuan melihat keresahan dalam kelas kemahiran bertutur. Namun, kajian ini berdasarkan perspektif guru apabila data kajian diambil dengan menemu bual guru-guru melalui pemerhatian dan pengalaman mereka mengendalikan kelas bahasa (Nur Pratiwi, Suhaila Zailani, & Salamiah, 2014). Kemudian kajian susulan yang meneroka fenomena kebimbangan bahasa telah dijalankan terhadap pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI). Hasil kajian yang dijalankan terhadap guru pelatih yang bakal menjadi guru bahasa Arab menunjukkan wujudnya fenomena kebimbangan dalam kalangan mereka ketika sesi pembelajaran dalam kelas bahasa Arab (Abd Aziz, Masrur, et al., 2015). Dapatan ini disokong lagi oleh kajian kedua yang melihat elemen kebimbangan berdasarkan empat kemahiran bahasa dan mendapati kebimbangan bahasa pada setiap kemahiran adalah sederhana dan hampir sama antara satu sama lain. Namun, yang menarik ialah skor tertinggi kebimbangan pada kemahiran bertutur iaitu 4.72 (Abd Aziz, Mohd Fauzi, & Mohd Faisal, 2015). Kebimbangan yang tinggi secara relatifnya akan memberi kesan terhadap penggunaan SPB terutama dalam pembelajaran kemahiran bertutur. Justeru, kajian kesan faktor kebimbangan ini amat bersesuaian dilakukan untuk menyingkap dapatan baharu yang memberi manfaat kepada penggunaan SPB dalam kalangan guru pelatih.

Mutakhir ini kajian pembelajaran bahasa kedua termasuk SPB dan juga kebimbangan telah mula dijalankan terhadap pelajar-pelajar bahasa kedua yang bakal menjadi guru. Antara kajian awal yang dijalankan berkaitan dengan kebimbangan dalam kalangan bakal guru telah dilakukan di Cyprus bertujuan meneroka fenomena kebimbangan dan mencari jalan mengatasinya. Dapatan kajian digunakan untuk membantu meningkatkan penguasaan bahasa asing dengan lebih baik sebelum mereka dihantar bertugas di sekolah agar mereka dapat menjadi guru bahasa yang lebih berkualiti (Kunt & Tm, 2010). Kajian yang lebih mendalam terhadap bakal guru bahasa Inggeris juga telah dilakukan di Turki untuk melihat sumber kebimbangan yang boleh mengganggu pembelajaran (Merç, 2011; Tm, 2014). Guru pelatih juga menjadi fokus kajian dari aspek penggunaan SPB antara pembelajaran bahasa Inggeris dengan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang menunjukkan persamaan penggunaan SPB dalam pembelajaran empat kemahiran bahasa (Shawer, 2015). Di Malaysia, kajian terhadap bakal guru dilakukan terhadap guru pelatih bahasa Inggeris mendedahkan bahawa guru pelatih yang rendah tahap kebimbangannya lebih suka melakukan aktiviti secara individu dalam aktiviti latihan lisan, main peranan, drama dan lain-lain berbanding bakal guru yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi (Lian, 2015).

Berdasarkan penelitian terhadap literatur, dapat disimpulkan bahawa kajian tentang pengaruh kebimbangan terhadap SPB bahasa Arab masih belum diterokai secara lebih meluas. Walaupun sudah terdapat kajian kebimbangan bahasa Arab yang telah dilakukan terhadap guru pelatih (Abd Aziz, Masrur, et al., 2015; Abd Aziz, Mohd Fauzi, et al., 2015), dan membuktikan kewujudan kebimbangan terutama kebimbangan kemahiran bertutur, namun kajian tersebut bersifat kuantitatif ringkas yang tidak menyingkap fenomena sebenar yang dialami mereka. Kajian kualitatif juga perlu diteroka dari aspek pelajar sendiri untuk melihat kebimbangan bahasa berbanding dari kajian dengan perspektif guru (Nur Pratiwi et al., 2014). Bakal guru bahasa Arab masih lagi tidak menjadi fokus kajian tentang pembelajaran bahasa Arab terutamanya dari aspek kebimbangan dan juga SPB sekaligus melayakkan mereka untuk menjadi subjek dan latar kajian ini.

Pengkaji melihat terdapatnya aspek kelompangan yang perlu diberi fokus dalam kajian ini. Pertamanya ialah, kajian tentang kebimbangan bahasa Arab ini perlu dilakukan terutamanya dari aspek kemahiran bertutur memandangkan kemahiran tersebut mencetuskan kebimbangan yang paling tinggi berdasarkan kajian Abd Aziz, Mohd Fauzi, et al. (2015). Kajian kebimbangan bahasa Arab juga perlu dilakukan dari perspektif pelajar kerana mereka sendiri telah mengalami pengalaman yang sebenar berbanding guru bahasa (Nur Pratiwi, 2015). Guru pelatih pula perlu dijadikan fokus kajian agar kebimbangan mereka dapat dikenal pasti dan dirawat lebih awal seterusnya merumuskan SPB yang sesuai digunakan oleh mereka untuk meningkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab yang amat berguna ketika sesi pengajaran bahasa Arab di sekolah nanti.

Kebimbangan kelas bahasa Arab perlu dibuat kajian yang lebih rinci terutama dari aspek kemahiran bertutur kerana kajian sedemikian jelas terbukti mempunyai julat kebimbangan yang paling tinggi berbanding dengan kemahiran yang lain. Hal ini sudah tentu mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab terutamanya dari aspek penggunaan SPB dalam kalangan guru pelatih. Kemahiran bertutur bahasa Arab pula merupakan kemahiran utama dalam penguasaan bahasa Arab khususnya dari sesi pengajaran bahasa Arab yang boleh menjamin pengajaran bahasa Arab berjalan dengan lancar dan mampu mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Mengenal pasti kebimbangan kelas bahasa Arab dan melihat pengaruhnya terhadap penggunaan SPB diperhatikan berupaya mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru pelatih.

Oleh itu, penyelidik melihat perlunya kajian dilakukan bagi melihat kesan pengaruh kebimbangan terhadap SPB kemahiran bertutur dalam kalangan bakal guru bahasa Arab. Kelainan kajian ini yang menggunakan kaedah kualitatif bertujuan melihat dengan lebih dekat bagaimana fenomena kebimbangan ini dialami dan dirasakan oleh pelajar itu sendiri. Kajian terhadap bakal guru ini adalah amat penting untuk melihat faktor kebimbangan yang telah mempengaruhi pelajar dalam penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur. Hal ini dikatakan demikian kerana kemahiran bertutur bahasa Arab menjadi asas utama guru bahasa Arab yang berkualiti dan profesional yang boleh meningkatkan lagi perkembangan bahasa Arab di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan melihat pengaruh kebimbangan guru pelatih dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua dalam konteks guru pelatih Institut Pendidikan Guru. Tujuan kajian ini dirumuskan berdasarkan objektif yang berikut:

1. Menenal pasti kebimbangan bahasa yang dialami oleh guru pelatih dalam kelas pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.
2. Menganalisis SPB yang digunakan oleh guru pelatih dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab.
3. Merumuskan bagaimana kebimbangan bahasa mempengaruhi penggunaan SPB dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan, kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

1. Apakah kebimbangan bahasa yang dialami oleh guru pelatih bahasa Arab di IPG KPI dalam kelas pembelajaran kemahiran bertutur?
2. Bagaimanakah guru pelatih mengaplikasikan SPB ketika mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab?
3. Bagaimanakah kebimbangan mempengaruhi guru pelatih dalam penggunaan SPB ketika mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab?

1.6 Kepentingan Kajian

Banyak kajian telah dijalankan menggambarkan kelemahan bertutur dalam kalangan pelajar pada setiap peringkat pengajian walaupun mereka telah menghabiskan masa bertahun-tahun mempelajari bahasa Arab (Sueraya et al., 2010). Oleh yang demikian, kajian ini merupakan satu usaha untuk melihat permasalahan yang berlaku seterusnya melihat cara untuk mengatasi masalah kurang penguasaan kemahiran bertutur dan komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih.

Kajian lampau terhadap SPB telah banyak dilakukan dan pelbagai strategi dirumuskan untuk menjadi panduan kepada pelajar. Namun masih belum ada kajian berkaitan dengan SPB yang mengambil kira faktor kebimbangan bahasa dalam penggunaan SPB dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, penggunaan strategi berdoa merupakan strategi yang digunakan untuk mengatasi kebimbangan (Mohd Hilmi, 2014) namun adalah lebih baik jika punca kebimbangan itu dirawat lebih awal dengan menggunakan strategi lain yang pelbagai. Kajian ini cuba untuk melihat dan mengkaji pengaruh kebimbangan terhadap penggunaan strategi agar dapat menghasilkan rumusan strategi yang lebih kemas dan tersusun setelah faktor kebimbangan dapat dikenal pasti punca dan peranannya.

Walaupun telah wujud kajian lepas yang mengkaji hubungan antara kebimbangan dengan SPB namun ia dilakukan dalam konteks bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua sedangkan kajian sebegini untuk bahasa Arab masih belum dilakukan memandangkan pembelajaran bahasa Arab adalah lebih rumit. Struktur bahasa Arab adalah lebih kompleks dan amat sukar dipelajari sebaris dengan bahasa Jepun, Korea dan China yang memerlukan anggaran 1320 jam untuk mencapai tahap penguasaan yang baik berbanding dengan bahasa Perancis dan Sepanyol yang boleh dicapai hanya dengan 480 jam sahaja (Aida, 1994a). Ini menunjukkan bahawa kajian terhadap bahasa Arab adalah perlu kerana ia mempunyai tahap kesukaran yang berbeza dan sudah tentulah tahap kebimbangan juga adalah berbeza.

Kajian ini dilakukan terhadap bakal guru bahasa Arab berbanding dengan kajian sebelum ini yang lebih difokuskan kepada pelajar di sekolah dan juga di peringkat universiti. Hal ini disebabkan kerana guru merupakan antara golongan yang paling utama untuk dirawat. Jika masalah kebimbangan dalam kalangan guru bahasa ini dapat diatasi atau dikurangkan dan strategi pembelajaran yang terbaik dapat dirumuskan, ia dapat membantu meningkatkan keupayaan bertutur bahasa Arab. Seterusnya ini dapat memberi kesan kepada pengajaran bahasa Arab di sekolah sekaligus meningkatkan prestasi dan pencapaian bahasa Arab secara amnya.

Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai asas kajian bagi melihat fenomena kebimbangan dengan lebih dekat dan lebih mendalam berbanding dengan kajian kuantitatif yang lebih bersifat tinjauan dan berbentuk umum. Catatan diari digunakan untuk mendapatkan data yang bersifat introspektif yang berupaya menyingkap data yang lebih asli dan semula jadi daripada responden. Data yang diperoleh sudah pasti lebih padat dengan maklumat kerana ia lebih terbuka dan bebas. Begitu juga temu bual secara semi struktur lebih bersifat retrospektif berdasarkan pengalaman yang telah dilalui oleh pelajar sepanjang kelas bahasa Arab. Temu bual berpandukan catatan diari yang ditulis boleh membantu memperkembangkan lagi data kajian.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah amat penting dilaksanakan dalam kalangan bakal guru bahasa Arab secara lebih dekat dan mendalam untuk mengetahui

kebimbangan bahasa yang dihadapi oleh guru pelatih dalam penggunaan SPB dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Kajian ini akan dapat membantu penggunaan SPB yang lebih kemas dan teratur seterusnya menjadi panduan dan rujukan kepada penuntut bahasa Arab seterusnya membantu perkembangan pembelajaran bahasa Arab.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan batasan kajian yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

1. Kajian ini terbatas kepada kebimbangan yang dialami guru pelatih sepanjang sesi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dan SPB yang digunakan oleh mereka. Justeru, ia tidak melibatkan aspek lain seperti kurikulum, pengurusan bilik darjah, metodologi dan sebagainya.
2. Kajian ini hanya dijalankan kepada guru pelatih semester satu Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang mengambil jurusan bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Hal ini disebabkan oleh kursus Kemahiran Berbahasa Arab (BAMB3013) hanya dipelajari oleh guru pelatih jurusan bahasa Arab pada semester satu. Responden kajian ialah guru pelatih yang banyak memberikan maklumat dan data melalui catatan diari harian mereka setiap kali selepas sesi pembelajaran kemahiran bertutur.
